

**30
days**

LOVING MUSLIMS THRU PRAYER

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim

Memahami Islam



Persediaan untuk berdoa

Perkataan 'Islam' bermaksud patuh kepada Allah, dan seorang Muslim adalah seorang yang mengikut hukum-hukum dan amalan-amalan Islam. Wahyu Islam diberikan kepada Muhammad, yang dijunjung oleh orang-orang Muslim sebagai nabi yang agung. "Muhammad" bukan hanya sekadar nama, tetapi bermaksud "Yang Di-Puji".

Kehidupan Muhammad:



Muhammad dilahirkan pada 570 M di Mekah, sebuah kota di Saudi Arabia. Beliau adalah ahli suku Hashim, bangsa Quraysh yang berkuasa. Ayahnya meninggal dunia sebelum beliau dilahirkan, dan ibunya, Aminah, meninggal dunia ketika beliau hanya berumur enam tahun. Muhammad tinggal bersama dengan datuknya, yang merupakan penjaga Ka'ba iaitu bangunan suci Mekah. Dua tahun selepas itu datuknya juga meninggal dunia, maka sejak berumur lapan tahun Muhammad dibesarkan oleh pasciknya, Abu Talib yang merupakan seorang saudagar.

Di Arabia penyembahan berhala berleluasa: terdapat kira-kira 360 dewa dan dewi yang perlu disembah, Mekah menjadi pusat berhala yang utama di wilayah tersebut. Ahli-ahli sejarah Muslim mencatatkan bahawa ketika Muhammad masih kecil, dia benci akan penyembahan berhala dan menjalani hidup moral yang suci.

Setelah berumur 40 tahun, Muhammad menjadi sangat risau dengan orang senegerinya

dan meluangkan banyak masanya bermeditasi tentang hal-hal keagamaan. Ketika bulan Ramadhan, Muhammad sering mengasingkan diri ke sebuah gua di Gunung Hira, beberapa kilometer dari Mekah. Pada salah satu masa inilah, pada tahun 610M, apabila Muhammad mula menerima wahyu dan panduan yang beliau percaya datang dari malaikat Gabriel. "wahyu" ini telah membentuk asas Qur'an. Pada mulanya Muhammad mempunyai banyak soalan mengenai wahyu-wahyu ini dan malah ragu-ragu bahawa beliau adalah seorang rasul. Sebagai tambahan dalam Qur'an Muslim yang bergantung kepada tradisi dipanggil "Hadith" tentang hidup, pengajaran dan kebiasaan Muhammad. Tradisi-tradisi ini mempengaruhi kehidupan harian kebanyakan orang Muslim.

Sepanjang hidupnya, Muhammad bertemu dengan ramai orang yang memanggil diri mereka Kristian, tetapi boleh dipertikaikan berapa ramai diantara mereka yang benar-benar dalam iman. Muhammad telah mempelajari banyak aspek adat-adat keagamaan orang Yahudi dari berbagai-bagai suku Yahudi yang tinggal di wilayah itu. Akhirnya, beliau menjadi seorang pemimpin politik dan keagamaan Medina, sebuah kota di utara Mekah yang mempunyai ramai penduduk orang Yahudi. Kerasulan Muhammad tidak diterima oleh orang Yahudi di Medina, lalu telah menimbulkan konflik yang serious. Idea-idea, konsep-konsep dan sejarah orang Kristian dan orang Yahudi sentiasa ada dalam Qur'an walaupun sering diputarbelitkan.

Muhammad mengisytiharkan bahawa Qur'an adalah wahyu yang terakhir dan terunggul dari Allah yang Esa. Dia mengharamkan penyembahan berhala, dan mengajar bahawa kehidupan Muslim harus sepenuhnya diserahkan kepada Allah, dengan mengamalkan cara mencuci sebelum lima kali sehari waktu doa menghadap Mekah. Hari Jumaat menjadi hari yang ditentukan untuk penyembahan bersama.

Sebelum berakhirnya kehidupan Muhammad, Islam telah menjadi satu agama di kebanyakan Arabia. Dalam masa seratus tahun selepas kematian Muhammad, Islam telah disebarkan sehingga Sepanyol di bahagian Barat dan India di bahagian Timur. Kemudiannya ia terus tersebar ke Asia Tenggara dan Asia Selatan. Muhammad meninggal dunia pada 632M di Madina, Saudi Arabia.

Keluarga Muhammad:

Muhammad diambil kerja pada umur yang muda oleh Khadija, seorang balu yang kaya, untuk mengawal perniagaan kafilahnya. Dia menjadi terkenal sebagai "Al-Amin", yang boleh dipercayai. Pada umur 25 tahun dia berkahwin dengan Khadija. Perkahwinan mereka menghasilkan tiga orang anak termasuk dua orang anak lelaki yang meninggal dunia ketika masih bayi dan seorang anak perempuan bernama Fatimah yang sangat disayangi oleh ibubapanya.

Tiga orang anak perempuan mendiang adik Khadija juga tinggal bersama mereka. Tidak lama selepas Muhammad berpindah ke Medina, Ali, saudara Muhammad, mengahwini anak perempuannya, Fatima. Ali menjadi Khalifah ke-empat (pengganti Muhammad). Ali dan anaknya Hussein mempunyai kedudukan yang penting di dalam Islam Shi'a. Pemerintahan Morocco dan Yordan sekarang berasal dari Banu Hashim, atau "suku Hashim" (keturunan nenek-moyang Muhammad).

Khadija dan Muhammad sudah bernikah selama 25 tahun. Setelah Khadija meninggal dunia, Muhammad mengamalkan poligami (mengahwini lebih dari seorang isteri). Menurut beberapa punca, Muhammad sebenarnya sudah berkahwin dengan 15 orang wanita tetapi hanya menyempurnakan perkahwinannya dengan 13 orang (sebagai tambahan terdapatnya beberapa orang gundik). Nampaknya Muhammad tidak pernah mempunyai

lebih dari sembilan orang isteri pada waktu yang sama. Muhammad mengatakan bahawa Allah membenarkan beliau mempunyai ramai isteri tetapi pengikut-pengikutnya hanya dibenarkan mempunyai seramai empat orang isteri (bergantung kepada kemampuan mereka untuk menanggung isteri-isteri mereka). Sementara nombor ini sering mengejutkan orang Kristian yang moden, tetapi orang-orang Muslim dengan pantas menyatakan bahawa Daud, Saul dan ramai yang lain dalam alkitab mempunyai ramai isteri.

Kepercayaan Muslim

Orang Muslim percaya kepada Allah, yang unik, yang maha-kuasa, rahmat dan berbelas-kasihan kepada semua orang Muslim. Iman Islam ditunjukkan berdasarkan lima “rukun” bahawa harus diamalkan jika seseorang mengharap keselamatan.

Lima Rukun tersebut adalah:

1. Melafazkan Pegangan (Shahada) “Tiada Tuhan selain Allah dan Muhammad adalah nabinya.”
2. Doa (solat) – lima kali sehari yang telah ditentukan.
3. Memberi derma (zakat) – pemberian kepada orang miskin secara wa sukarela.
4. Puasa (saum) – terutamanya semasa bulan “kudus” Ramadhan.
5. Menunaikan haj (hajj) – sekurang-kurangnya sekali seumur hidup, ke Mekah, dikenali sebagai Haji.

Walaupun seorang Muslim mengamalkan setiap rukun ini, dia masih belum ada kepastian untuk keselamatan. Islam berdasarkan satu agama pembenaran sendiri. Tidak terdapatnya penebusan dosa dalam Islam dan secara keseluruhannya orang Muslim percaya bahawa perbuatan agama mereka boleh menyucikan mereka dari dosa. Orang-orang Muslim sering memikirkan Hari Penghakiman, di mana mereka percaya Allah (atau seorang malaikat) akan mengambil timbangan dan menimbang setiap perbuatan orang. Setiap orang mesti mengharap bahawa perbuatan baik mereka akan melebihi perbuatan jahat mereka, tetapi sesungguhnya penghakiman Allah adalah berdasarkan keinginan-Nya sendiri. Satu cara untuk menggambarkan ini adalah perbuatan orang itu akan dicatatkan dalam sebuah buku dan pada Hari Penghakiman Allah akan membuka buku itu dan menghitung akaun orang tersebut yang akan diletakkan sama ada di tangan kanan atau kiri Nya. Satu-satu cara yang akan memastikan kemasukan ke syurga adalah sebagai seorang yang mati syahid sewaktu Peperangan Suci Islam (Jihad). Orang-orang Muslim kurang jaminan pengampunan.



Muhammad adalah nabi Islam yang unggul, tetapi Qur'an juga sentiasa mengatakan tentang Yesus, yang juga dikenali sebagai Isa. Qur'an juga mengatakan bahawa Yesus adalah Kalimat Allah, yang bermaksud Firman Allah. Orang-orang Muslim percaya bahawa Yesus dilahirkan oleh Allah secara luarbiasa melalui Maria yang masih anak dara. Namun, orang-orang Muslim tidak percaya dengan kematian Kristus di kayu salib, kebangkitan-Nya atau ketuhanan-Nya. Walaupun Yesus adalah nabi ke-dua unggul dalam Islam, Isa dalam Qur'an hanyalah seorang nabi diantara 124,000 nabi.

Kepercayaan dengan malaikat dan kuasa jahat, juga dikenali sebagai jin, memainkan peranan yang besar di dalam kehidupan kebanyakan orang Muslim. Keseluruhannya Islam mengajarkan bahawa “semua yang baik dan jahat datang dari Allah” yang

memperkenalkan satu konsep yang sangat fatalistik di hati iman dan pengalaman orang Muslim.

Seperti juga dengan semua agama, Islam mengajar dan mengamalkan pengaruh di setiap aspek kehidupan. Di antara Qur'an dan Hadith terdapatnya panduan untuk kebanyakan kehidupan harian orang Muslim.

Orang Islam percaya akan:

Satu Allah, Pencipta segalanya.

Malaikat dan kuasa jahat

Nabi (Abram, Musa, Daud, Isa, Muhammad)

Muhammad adalah nabi yang terakhir dan teragung

Kitab Kudus (Injil, Zabur, Qur'an)

Hari penghakiman

Takdir

Mereka berpendapat bahawa Alkitab sudah dicemari dan diubah suai.

Mereka percaya bahawa Yesus hanya seorang nabi.

Yesus sebenarnya adalah seorang Muslim yang baik.

Yesus mengajarkan Islam dalam bentuk awal.

Yesus tidak mati di kayu salib.

Yesus pergi ke syurga dan akan kembali semula, berkahwin, mempunyai anak dan mati.

Yesus akan dihakimi seperti semua manusia pada Hari Penghakiman Terakhir.

Orang Islam tidak percaya:

Bahawa mereka boleh mengenal Allah.

(mereka hanya berfikir bahawa mereka dapat tahu tentang Dia).

Bahawa Yesus adalah Anak Allah.

Bahawa Yesus adalah Tuhan yang benar bagi dunia.